

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Tuesday, March 26, 2019 7:20 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Naib Canselor Kunjungi Duta Besar Qatar Ke Malaysia Dan Ketua Setiausaha Perbendaharaan



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia

26 MAC 2019 / 19 REJAB 1440H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(*THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY*)

Oleh: Seksyen Media
Gambar oleh: Abdul Halim Husain

NAIB CANSELOR KUNJUNGI DUTA BESAR QATAR KE MALAYSIA DAN KETUA SETIAUSAHA PERBENDAHARAAN



UUM ONLINE: Naib Canselor, Prof. Dr. Ahmad Bashawir Abdul Ghani telah mengadakan kunjungan hormat ke atas Duta Besar Negara Qatar ke Malaysia, TYT Fahad Mohammad Kafoud di Pejabat Kedutaan Qatar, semalam.

Dalam pertemuan itu, Naib Canselor telah menyatakan hasrat untuk memperkukuhkan jenama UUM di Qatar dan menjadi antara universiti Malaysia yang menjadi pilihan utama pelajar Qatar untuk melanjutkan pengajian.

Selain itu, Naib Canselor juga berharap Qatar dapat membantu untuk mempromosikan UUM dalam kalangan pelajar Qatar dan hasrat tersebut dipersetujui TYT Fahad yang sudi memberikan sokongan bagi tujuan tersebut.

Di akhir pertemuan yang turut disertai Ahli Lembaga Pengarah Universiti, Dato' Muzammil Mohamad dan juga Pengarah UUMKL, Prof. Dr. Shahimi Mohtar itu, TYT Fahad telah dijemput untuk mengadakan lawatan ke UUM.

Kemudian, Naib Canselor mengadakan pertemuan dengan Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Datuk Ahmad Badri Mohd Zahir di Pejabat KSP, Kementerian Kewangan di Putrajaya bagi membincangkan tentang agenda dan isu berkaitan penjaan dan pengurusan kewangan UUM sebagai universiti berstatus autonomi.

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
☎ 04-928 3048/3049/3052/3061
☎ 04-928 3053
✉ ukkuum@uum.edu.my
f Universiti Utara Malaysia (Official FB)



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.